



Strategi Daya Tindak Versi Bahasa Melayu

Salhah Abdullah
Sapora Sipon
Rezki Perdani Sawai
Dini Farhana Baharudin
USIM

Abstrak

Kajian ini bertujuan membuat adaptasi kepada *Coping strategies Inventory* (CSI) iaitu inventori strategi daya tindak (ISDT) kepada bahasa Melayu. Tujuan kajian ini bagi menguji kebolehpercayaan inventori dengan menggunakan kaedah penterjemahan semula agar bersesuaian dengan budaya di Malaysia kepada pelbagai kumpulan masyarakat Malaysia yang mengalami stres. Kaedah kajian kes kepada 100 pelajar di sebuah sekolah untuk kajian rintis dan kepada 140 remaja perempuan di dua buah Pusat pemulihan Akhlak. Kajian menunjukkan keputusan yang konsisten dengan kajian lalu oleh pengkaji di Sepanyol. Ciri-ciri psikometrik menunjukkan dapatan yang menarik kerana lapan faktor daripada 40 item setelah diuji oleh pengkaji di Sepanyol juga menunjukkan nilai pengkali alfa Cronbach yang tinggi bagi lapan faktor antara .61 hingga .76. Nilai alfa Cronbach bagi ISDT yang tinggi iaitu 0.93 menunjukkan kesesuaian inventori ini digunakan. Inter-korelasi konvergen matrik digunakan bagi menguji kesahan juga menunjukkan pengkali Pearson positif yang signifikan antara $r=.15$ hingga $r=.6$. Akhir sekali ujian korelasi Pearson juga dijalankan kepada pengukuran psikologi Penilaian Harga Diri. Keputusan mendapat korelasi positif yang lemah ($r=.244$) antara SDT dan Penilaian Harga Diri. Kebolehpercayaan bagi ISDT dibincangkan bagi kegunaan menguji strategi daya tindak dalam pelbagai situasi stres.

Kata kunci: Daya tindak; stres; inventori strategi daya tindak.

Abstract

This study aims to make the Coping strategies inventory adapt to the Malay language. The aim is to test the trusted ability of the inventory and to translate it so that it is relevant to the various cultures which experience stress in Malaysia. The method employed is based upon a case study of 100 students in a school for the initial study and towards 140 female students in two juvenile detention centers. These studies have shown a consistency with the findings of past studies in Spain. Psychometric features demonstrate an interesting find because eight of the factors from 40 items which is studied in Spain had also showed the alfa Cronbach coefficient value that is high for eight factors i.e. between .61 to .76. The alfa Cronbach value for ISDT that is high i.e. 0.93 indicate the relevancy of the inventory used. The convergent inter-corelation matrix which is used for testing validity had also showed the Pearson co-efficient to significantly positive between $r=.15$ hingga $r=.6$. The final test of the Pearson co-efficient was also used to measure the psychology of Self-Esteem. The results show a weak co-relation ($r=.244$) between the SDT and Self-esteem evaluation. The trustworthiness of ISDT is discussed for sage in testing the coping strategies inventory for its relevancy and ability to be used in a variety of stress based situations.

Key words: coping strategies inventory, stress, coping methods.

Pengenalan

Daya tindak merujuk kepada pelbagai cara berfikir dan tingkah laku yang digunakan dalam situasi menghadapi tekanan dalam dan luaran telah dibincangkan dengan meluas oleh Folkman dan Lazarus sejak tahun 1980 (Walsh, Fortier DiLillo, 2010). Walaupun subjek daya tindak dianggap klasikal bila dikaitkan dengan konsep helah bela diri (Cano Garcia, Rodrigues Franco & Garcia Martinez, 2007). Menurut mereka Lazarus ialah tokoh yang tidak asing dalam membincangkan tentang revolusi kognitif. Lazarus juga memberikan rasional kepada *Stress Theory* sebagai satu proses menilai semula situasi dalam bertindak menghadapi situasi stres. Finkelhor

dan Browne pada 1985 telah mencadangkan model berkaitan stres yang dialami oleh mangsa penderaan seksual pada zaman kanak-kanak sebagai *Traumagenik Dynamic model*. Model tersebut menghuraikan bagaimana proses kecelaruan kognitif yang dialami mengakibatkan mangsa mengalami trauma, merasakan diperdayakan, stigma dan merasa tiada berkuasa atau *powerlessness* yang mengakibatkan berlaku kecelaruan pembinaan konsep kendiri, harga diri, pandangan terhadap dunia atau kapasiti afektif (Bruce & Gordon, 2007).

Subjek daya tindak dianggap klasikal bila dikaitkan dengan konsep helah bila diri (Cano Garcia et al., 2007). Namun menurut mereka, persoalan daya tindak terus relevan dalam kontek proses bertindak yang dibincangkan dalam dua cara iaitu gaya daya tindak dan strategi daya tindak. Dalam kontek mangsa peristiwa trauma istilah strategi daya tindak lebih memberi kelebihan berbanding istilah gaya daya tindak kerana strategi merujuk kepada tindak lebih spesifik khususnya berupaya diubah suai dan lebih menarik dalam membincangkan daripada perspektif intervensi.

Objektif

- i. Mengenalpasti ketekalan kebolehpercayaan dalam Inventori Strategi Daya Tindak
- ii. Mengenalpasti kesahan Inventori Strategi Daya tindak
- iii. Mengenalpasti kesahan konvergen inventori dengan Penilaian Harga Diri

Metod

Subjek dan prosedur

Kajian rintis melibatkan seramai 100 orang pelajar sekolah menengah di bandar Kota Bahru, Kelantan yang terdiri daripada pelajar yang bermasalah daripada rekod guru kaunseling dan guru disiplin umur antara 16 hingga 17 tahun (35 lelaki dan 65 perempuan). Kajian sebenar melibatkan 140 remaja perempuan di Taman Seri Puteri yang menempatkan remaja perempuan mengikut Akta Perlindungan Kanak-Kanak Umur, Akta 611(2001).

Pengkaji meminta kerjasama seorang kaunselor untuk mengedarkan soal selidik kepada peserta kajian yang menggunakan teknik persampelan bertujuan. Sementara pengkaji sendiri dengan bantuan kaunselor dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat mengedarkan soal selidik kepada pelatih di dua pusat pemulihan yang dikumpulkan di dewan. Pelajar dikumpulkan dalam kumpulan sepuluh orang dan pengkaji sendiri membantu peserta yang menghadapi masalah dalam menjawab soal selidik.

Instrumen

Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT) yang asal ataupun versi adaptasi belum terdapat secara nyata dalam simpanan mana-mana kaunselor mahupun ahli psikologi di Malaysia. Oleh itu pengkaji membuat terjemahan ke dalam bahasa Melayu mengikut prosedur *back translation* seperti yang disarankan oleh Saedah (2004) yang mengguna pakai apa yang dicadangkan oleh Brislin, Lonner dan Thorndike pada tahun 1973. ISDT ialah inventori yang diadaptasi dan diterjemahkan oleh pengkaji daripada inventori asal *Spanish Version of Coping Strategies* oleh Cano Garcia et al. (2007) yang mempunyai 40 item positif. Inventory Strategi Daya Tindak dibina oleh Tolbin et al. (1989) merupakan versi asal yang mempunyai 71 item. Inventori ini digunakan dengan meluas di Barat dan menunjukkan kesahihan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Cano Garcia et al., 2007). Inventori SDT menggunakan skala Likert lima mata terdiri daripada 40 pernyataan yang menggunakan lima pilihan jawapan iaitu bermula dengan angka 1 membawa maksud tidak langsung seperti saya, 2 bermaksud kadang kala seperti saya, 3 bermaksud selalu seperti saya , 4 bermaksud selalu sangat seperti saya dan 5 bermaksud setiap masa seperti saya.

Oleh itu pengkaji bersama enam orang pensyarah berusaha menjalankan kaedah adaptasi dan terjemahan mengikut prosedur yang disaran. Pengkaji menjalankan kaedah terjemahan semula bagi membantu pengkaji mengenalpasti kesahan dalam makna. Menurut Amla (2012), dalam kaedah ini sesuatu alat ujian diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran

oleh seseorang penterjemahan. Ciri mudah juga merupakan ciri-ciri yang diambil kira dalam memilih instrumen yang mahu diterjemah supaya ciri asal instrumen tidak terkorban Amla (2012). Kaedah ini dijalankan bagi menangani isu silang budaya, sintaksis dan *idiosingrisi*.

Penterjemahan dilakukan oleh enam orang pensyarah dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam. Tiga orang pensyarah telah menterjemahkan ISDT daripada versi asal iaitu dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Seterusnya versi terjemahan dalam bahasa Melayu disemak oleh pengkaji untuk mendapatkan satu versi penyelarasan dalam bahasa Melayu. Langkah seterusnya ialah menterjemahkan versi bahasa Melayu yang telah diselaraskan kepada bahasa versi asal iaitu bahasa Inggeris oleh tiga orang pensyarah menterjemahkan kembali kepada bahasa Inggeris. Akhirnya, semua ahli penterjemah duduk bersama untuk menyemak dan mendapatkan satu versi penyelarasan dalam bahasa asal iaitu bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Item-item yang sama atau yang paling hampir kepada versi asal sahaja yang diterima.

Selepas penterjemahan semula dan penyelarasan dijalankan, instrumen ini dibuat ujian awal dengan menggunakan kaedah *counterbalance* (Amla, 2012). Seterusnya kaedah ini mengumpulkan 20 orang pelajar yang mahir dalam dua bahasa. Kaedah ini menggunakan separuh daripada kumpulan iaitu 10 orang bagi kumpulan A dari sampel yang dipilih diberikan versi asal dalam bahasa Inggeris. Sementara separuh lagi, kumpulan B diberikan versi yang telah diterjemahkan. Selepas jangka masa seminggu kumpulan kedua (B) yang menerima versi terjemahan diberikan pula versi asal dan begitu juga sebaliknya kumpulan (A). Skor dari kedua-dua kumpulan ini kemudian diuji korelasinya. Korelasi yang tinggi dapat menjadi bukti bahawa instrumen versi terjemahan sudah berfungsi seperti yang diharapkan. Jadual 1 menyenaraikan nombor dan bilangan item bagi setiap faktor kepada inventori Strategi Daya Tindak (ISDT).

Jadual 1 : Faktor bagi Inventori Strategi Daya Tindak

| Faktor | Nombor item | Contoh item |
|--------------------------------------|--------------------|---|
| 1. Penyelesaian Masalah(PM) | 1,9,17,25 dan 33 | (1) Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah |
| 2. Kritik Diri Sendiri(KD) | 2,10,18,26 dan 34 | (2) Saya salahkan diri saya |
| 3. Ekspresi Emosi (EE) | 3,11,19,27 dan 35 | (3) Saya luahkan perasaan saya bagi mengurangkan Tekanan |
| 4. Fikiran Menaruh Harapan (MH) | 4,12,20,28 dan 36 | (4) Saya berharap situasi itu tidak pernah bermula |
| 5. Sokongan Sosial SS) | 5,13,21,29 dan 37 | (5) Saya berjumpa seseorang yang mendengar dengan baik |
| 6. Menstruktur Semula Pemikiran (MP) | 6,14,22,30 dan 38 | (6) Saya lagi-lagi memikirkan masalah yang dihadapi dan akhirnya melihat sesuatu dengan cara yang berbeza |
| 7. Mengelakkan Masalah(MM) | 7,15,23,31 dan 39 | (7) Saya tidak membiarkan ianya menganggu; Saya tidak mahu terlalu memikirkan perkara itu |
| 8. Penarikan Diri Sosial (PS) | 8,16,24,32 dan 40 | (8) Saya ada kalanya menghabiskan masa bersendirian |

Instrumen kedua ialah skala Penilaian Harga Diri (PHD) daripada *Rosenberg Self-Esteem Scale (RSES)* yang mengandungi 10 pernyataan mengukur kendiri secara global dan pengkaji sebelum ini menggunakan istilah Skala

Penghargaan Kendiri seperti Nur Shafrin (2006). Namun, hasil penelitian kepada pernyataan bagi setiap item dalam skala yang mengukur nilai harga diri ini, maka penulis (Salhah, 2012) beranggapan istilah yang lebih tepat ialah skala Penilaian Harga Diri. Skala ini terdiri daripada lima pernyataan positif (1,2,4,6,7) contohnya, item nombor satu “Saya rasa,saya ialah seorang yang berguna, sekurang-kurang sama seperti orang lain.” Seterusnya, lima pernyataan negatif (3,5,8,9,10) contohnya, item nombor tiga, “Secara keseluruhannya saya berasakan diri saya seorang yang gagal.” Skala PHD ini menggunakan empat pilihan jawapan iaitu bermula dengan angka 0 membawa maksud sangat tidak setuju, 1 membawa maksud tidak setuju dan 3 bermaksud bersetuju dan sebaliknya skala bagi item yang positif.

Dapatan dan Perbincangan

Objektif pertama ialah bagi mengenalpasti ketekalan kebolehpercayaan dalam ISDT versi bahasa Melayu. Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian bagi kajian rintis dan kajian sebenar.

Jadual 2.4 : Faktor bagi Inventori Strategi Daya Tindak

| Faktor | Nila Alfa Cronbach Versi Bahasa Sepanyol | Nila Alfa Cronbach Kajian Rintis | Nila Alfa Cronbach Sebenar |
|------------------------------------|--|---|----------------------------------|
| 1.Penyelesaian Masalah(PM) | 0.82 | 0.80 | 0.75 |
| 2. Kritik Diri Sendiri(KD) | 0.94 | 0.70 | 0.62 |
| 3. Ekspresi Emosi (EE) | 0.89 | 0.74 | 0.70 |
| 4. Fikiran Menaruh Harapan (MH) | 0.78 | 0.76 | 0.68 |

| | | | |
|---|------|------|------|
| 5. Sokongan Sosial SS) | 0.89 | 0.74 | 0.72 |
| 6. Menstruktur Semula Pemikiran (MP) | 0.83 | 0.73 | 0.72 |
| 7. Mengelakkan Masalah(MM) | 0.72 | 0.62 | 0.69 |
| 8. Penarikan Diri Sosial (PS) | 0.81 | 0.59 | 0.63 |
| Kesemua item ISDT | | 0.92 | 0.93 |

Analisis alfa Cronbach kepada 40 item daripada dua fasa kajian. Keputusan kajian rintis dan kajian sebenar menunjukkan nilai alfa Cronbach ke atas keseluruhan ISDT dan juga setiap lapan faktor menunjukkan nilai yang tinggi. Inventori ini menunjukkan kebolehpercayaan yang sederhana tinggi bagi setiap faktor nilai alfa Cronbach iaitu antara 0.59 dan 0.80 dan keseluruhannya 40 item bagi ISDT adalah tinggi iaitu 0.92. Sementara keputusan kajian sebenar kepada 140 peserta kajian pula menunjukkan menunjukkan kebolehpercayaan yang sederhana tinggi bagi setiap faktor dan keseluruhannya nilai alfa Cronbach antara 0.62 dan 0.75 dan bagi keseluruhan item adalah tinggi 0.93. Kesimpulannya analisis nilai alfa Cronbach jika dibandingkan antara kajian rintis dan kajian sebenar tiada banyak menunjukkan perbezaan malah bagi keseluruhan item menunjukkan sedikit peningkatan dari 0.92 kepada 0.93. Sementara perbandingan nilai alfa daripada versi asal Bahasa Sepanyol telah menunjukkan sedikit penurunan sama ada bagi kajian rintis dan kajian sebenar antara penurunan 0.01 dan 0.22.

Keputusan objektif kajian kedua iaitu kesahan ISDT yang menggunakan uji- dan uji- kembali dijalankan kepada sepuluh orang peserta nilai kebolehpercayaan alat pengukuran SDT diukur dengan menggunakan. Korelasi uji-uji kembali dalam jangka masa dua minggu bagi SDT ialah 0.99, $p < 0.01$. Nilai terperinci bagi korelasi antara kumpulan yang menjawab kedua set soalan bahasa Melayu dan Inggeris. Jadual 3 menunjukkan korelasi uji-uji kembali untuk SDT.

Jadual 3 : Korelasi uji–uji kembali untuk SDT

| Pemboleh ubah | min | sp | r |
|----------------------|------------|-----------|----------|
| Bahasa Melayu | 74.10 | 23.07 | 0.97** |
| Bahasa Inggeris | 79.60 | 28.64 | |

Hasil uji–uji kembali inventori ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi bagi keseluruhannya item dengan nilai korelasi yang tinggi ($r = .97$). Kesimpulannya, SDT menunjukkan ketekalan daripada segi keputusan uji dan uji–kembali bagi sepuluh orang peserta kajian selepas seminggu diuji semula. Semua lapan faktor strategi daya tindak bagi ISDT terjemahan ini sesuai digunakan kerana menunjukkan kebolehpercayaan yang sederhana tinggi bagi setiap faktor dan adalah tinggi bagi keseluruhan item. Di samping itu ketekalan dalaman yang sederhana tidak menjadi masalah kerana keputusan uji dan uji kembali dapat membuktikan kesahan inventori ini yang boleh diguna pakai.

Objektif ketiga kajian ini ialah untuk mengenalpasti kesahan konvergen inventori dengan Penilaian Harga Diri. Analisis korelasi Pearson diaplikasi bagi menguji kesahan konvergen menggunakan inventori yang baru diterjemah kepada Bahasa Melayu dengan instrumen yang sudah lama digunakan di Malaysia iaitu Penilaian Harga Diri. Interpretasi kekuatan korelasi merujuk kepada panduan yang diberikan oleh Chua (2009) iaitu saiz korelasi antara $r = .91$ hingga $r = 1.00$ dianggap sangat kuat, $r = .71$ hingga $r = .90$ dianggap kuat, $r = .51$ hingga $r = .70$ dianggap sederhana, $r = .31$ hingga $r = .51$ dianggap lemah dan $r = .01$ hingga $r = .30$ dianggap sangat lemah. Jadual 4 menunjukkan keputusan matrik konvergen atau matrik korelasi antara faktor SDT dengan PHD.

Jadual 4 : Korelasi Konvergen antara Faktor Strategi Daya Tindak dengan Penilaian Harga Diri

| | PM | KD | EE | MH | SS | MP | MM | PDS |
|--------------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| 1. Penyelesaian Masalah(PM) | | 1 | | | | | | |
| 2. Kritik Diri Sendiri(KD) | | .54** | 1 | | | | | |
| 3. Ekspresi Emosi (EE) | .48** | .43** | 1 | | | | | |
| 4. Fikiran Menaruh Harapan (MH) | .50** | .47** | .46** | 1 | | | | |
| 5. Sokongan Sosial (SS) | .50** | .36** | .61** | .38** | 1 | | | |
| 6. Menstruktur Semula Pemikiran (MP) | .62** | .53** | .52** | .50** | .65** | 1 | | |
| 7. Mengelakkan Masalah (MM) | .67** | .54** | .49** | .53** | .55** | .77** | 1 | |
| 8. Penarikan Diri Sosial (PS) | .57** | .58** | .46** | .53** | .36** | .61** | .60** | 1 |
| Penilaian Harga Diri (PHD) | .20* | .01 | .18* | .15 | .17 | .22** | .27** | .17* |

*p<0.05, ** p<0.001

Petunjuk: Penyelesaian Masalah-PM; Kritik Diri Sendiri-KD; Ekspresi Emosi -EE; Fikiran Menaruh Harapan -MH; Sokongan Sosial -SS; Menstruktur Semula Pemikiran -MP; Mengelakkan Masalah -MM; Penarikan Diri Sosial -PS; Penilaian Harga Diri :PK.

Keputusan kajian menunjukkan korelasi signifikan antara kuat dan lemah secara positif antara semua faktor strategi daya tindak ($r=.36$ hingga $r= .77$) dan juga lemah dengan PHD ($r=.17$ hingga $r= -.23$). Faktor menyelesai masalah dengan menunjukkan korelasi positif yang sederhana dengan faktor

kritik diri ($r=.54$). Seterusnya kajian menunjukkan korelasi positif yang lemah antara faktor menyelesaikan masalah dengan faktor ekspresi emosi ($r=.48$) dan juga antara kritik diri dengan ekspresi diri($r=.43$). Keputusan kajian juga mendapati, korelasi positif yang lemah antara faktor menyelesaikan masalah dengan faktor menaruh fikiran harapan ($r=.50$), begitu juga antara faktor menaruh fikiran harapan dengan kritik diri ($r=.47$) dan juga dengan ekspresi emosi ($r=.46$). Kajian juga mendapati korelasi positif yang sederhana antara faktor menyelesaikan masalah dengan sokongan sosial ($r=.55$). Seterusnya korelasi positif yang sederhana dan sedikit meningkat antara faktor sokongan sosial dengan faktor ekspresi emosi ($r=.61$). Namun korelasi positif yang lemah antara sokongan sosial dengan kritik ($r=.36$) dan begitu juga dengan fikir menaruh harapan.

Kajian menunjukkan korelasi positif yang sederhana antara faktor menyelesaikan masalah dengan faktor menstruktur semula pemikiran ($r=.62$). Sementara kajian mendapati korelasi positif yang sederhana antara menstruktur semula pemikiran dengan empat lagi faktor lain iaitu; 1) kritik diri ($r=.53$), 2) ekspresi emosi ($r=.52$), 3) menaruh harapan ($r=.50$), dan 4) sokongan sosial ($r=.65$). Seterusnya, keputusan korelasi yang sederhana antara faktor menyelesaikan masalah dengan faktor mengelakkan masalah ($r=.67$). Namun keputusan menunjukkan korelasi positif yang kuat antara faktor menyalakkan masalah dengan faktor menstruktur semula pemikiran ($r=.77$). Seterusnya korelasi positif yang sederhana antara mengelakkan masalah dengan tiga faktor lain iaitu; 1) kritik diri ($r=.54$), 2) fikir menaruh harapan ($r=.53$), dan 3) sokongan sosial ($r=.55$). Akhir sekali, korelasi positif yang lemah ditunjukkan oleh faktor mengelak masalah dengan ekspresi emosi ($r=.49$). Keputusan kajian juga menunjukkan korelasi positif yang sederhana antara faktor menyelesaikan masalah dengan faktor penarikan diri sosial ($r=.57$). Kajian juga menunjukkan korelasi positif yang sederhana antara faktor penarikan diri sosial dengan empat faktor strategi daya tindak iaitu; 1) kritik diri ($r=.58$), 2) fikiran menarik harapan ($r=-.53$), 3) menstruktur semula pemikiran ($r=.61$), dan 4) mengelak masalah ($r=.60$). Keputusan analisis korelasi antara setiap faktor SDT pula menunjukkan korelasi yang sangat

lemah dengan skala penilian harga diri iaitu; 1) menyelesai masalah ($r=.20$), 2) kritik diri ($r=.01$), 3) ekspresi emosi ($r=.18$), 4) fikir menaruh harapan ($r=.15$), 5) sokongan sosial ($r=.17$), 6) menstruktur semula fikiran ($r=.22$), 7) menyelak masalah ($r=.27$), dan 8) penarikan diri sosial ($r=.17$).

Kajian ini telah menjalankan analisis faktor dan didapati keputusan yang selari dari segi memperolehi tiga faktor mengikut kelompok yang diperolehi ISDT dalam Bahasa Sepanyol. Namun begitu, bilangan item yang mempunyai *loading* 0.4 ke atas didapati berkurangan dan jika dibuang item berkenaan ianya akan menjelaskan nilai kebolehpercayaan. Oleh itu, pengkaji mengekalkan kesemua item bagi setiap strategi. SDT pertama dikenali dengan strategi fokus sokongan sosial ialah gabungan dua faktor (ekspresi emosi dan sokongan sosial) walaupun versi asal menggunakan istilah strategi fokus kepada pengurusan emosi. Namun, bagi mengelakkan kekeliruan dengan SDT ketiga iaitu SDT fokus kepada emosi. Semantara SDT dua dikenali dengan strategi fokus kepada adaptif dan maladaptif atau penyesuaian diri dan salah suai diri iaitu gabungan tiga faktor (menyelesaikan masalah, menstruktur semula pemikiran dan mengelahkan masalah). SDT ketiga dikenali dengan strategi fokus kepada emosi ialah merupakan gabungan tiga faktor (kritik diri, fikir menaruh harapan dan mengelak diri sosial). Jadual 5 menunjukkan korelasi antara ketiga-tiga SDT. Kajian mendapati korelasi positif yang kuat antara SDT fokus kepada adaptif dan maladaptif dengan strategi fokus kepada masalah emosi ($r=.74$).

Jadual 5 : Korelasi antara Strategi Daya Tindak dan Penilaian Harga Diri

| | SDT1 | SDT2 | SDT3 |
|-------------------------|-------------|-------------|-------------|
| SDT1 | 1 | | |
| SDT2 | .68** | 1 | |
| SDT3 | .55** | .74** | 1 |
| Penilaian Harga Diri | .19* | .26** | .14 |

Petunjuk: SDT1- Strategi daya tindak 1; SDT2- Strategi daya tindak 2; SDT3-Strategi daya tindak 3

Seterusnya, diikuti oleh hubungan positif yang sederhana ($r=.68$) antara SDT fokus kepada sokongan sosial dengan SDT fokus kepada adaptif dan maladaptif. Begitu juga SDT fokus kepada sokongan sosial dan SDT fokus kepada emosi pula menunjukkan hubungan positif yang sederhana ($r=.55$). Sementara dua daripada SDT iaitu SDT fokus kepada sokongan sosial dan SDT adaptif dan maladaptif sahaja yang menunjukkan hubungan signifikan yang lemah dengan PHD iaitu: antara SDT fokus kepada sokongan sosial ($r=.19$, $p<0.05$), dan antara SDT adaptif dan maladaptif ialah ($r=.26$, $p<0.001$).

Kemunculan pelbagai teori yang memperkatakan bagaimana seseorang berfikir dalam situasi stres antaranya *Learned Helplessness Theory* atau teori tiada belajar tiada berdaya oleh Peterson dan Seligman (1984), *Hopelessness Depression Theory* oleh Abramson, Metalsky dan Alloy (1989), maka topik daya tindak semakin relevan dibincangkan. Menurut Seligman et al. (2005) bahawa aliran baru dengan *Science of Positive Psychology* yang dikemukakan oleh Seligman dan Csikszentmihalyi pada tahun 2000 dalam kajian psikologi berkaitan dengan emosi positif, karektor positif dan institusi positif telah membuka jalan ke arah kemajuan psikologi positif (*positif psychology progress*). Maka istilah daya tindak sama ada gaya daya tindak atau strategi daya tindak menjadi semakin relevan dengan gerakan aliran pemikiran daripada pasivisme kepada positivisme dalam mengkaji sesuatu fenomena berkaitan psikologi dan kaunseling.

Oleh itu pengkaji memilih Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT) yang dibina oleh Tolbin et al. (1989) dianggap sesuai kerana lapan faktor menunjukkan SDT yang digunakan oleh seseorang dalam menghadapi stres dan kemurungan. Pengkaji menghadapi kesulitan mengumpul data daripada remaja yang benar-benar mengalami stres dalam kalangan pelajar sekolah kerana prosedur yang berkaitan dengan pengurusan kebenaran pihak kementerian pelajaran, jabatan

pendidikan negeri dan pihak sekolah itu sendiri. Sementara kajian di tempat pusat perlindungan pula memerlukan prosedur permohonan dan perjanjian oleh ibu pejabat di Kementerian Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajian Masyarakat serta pihak pusat terbabit.

Kesimpulan

Kajian ini memberi implikasi positif terhadap penggunaan ISDT dalam budaya di Malaysia khususnya kepada kumpulan sasaran yang mengalami stres. Oleh itu, ISDT membuka peluang kepada pengkaji menjalankan lanjutan kepada golongan remaja dan juga dewasa yang mengalami stres seperti pelajar bermasalah, pelatih di pusat pemulihan akhlak, penghuni penjara dan pusat pemulihan dadah.

Kajian ini menyedari beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti bilangan responden yang kecil menyebabkan analisis faktor kurang bermakna. Oleh itu kajian ini boleh diberi penambahbaikan dengan menambah responden dan analisis faktor boleh dijalankan bagi membuktikan model. Pengkaji lanjutan yang ingin menggunakan ISDT ini dicadangkan menggunakan dengan menambah elemen catatan diri sama ada dalam bentuk dairi atau refleksi kendiri berkaitan bagaimana seseorang menggunakan strategi menghadapi stres atau kemurungan. Pengkaji boleh menggunakan analisis dokumen sebagai melengkapkan lagi kajian bagi mendapatkan data kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif dengan kaedah temu bual juga dicadangkan bagi kajian kes terhadap sesuatu fenomena stres dan trauma.

Rujukan

- Abramson, L.Y. Metalsky,G.I and Alloy, L.B. 1989. Hopelessness depression: A theory sub type of depression. *Psychological Review* 96(2): 358-372.
Amla Mohd. Salleh. 2012. *Pengukuran Psikologi dalam Kaunseling*. Kuala Lumpur Bawan Bahasa dan Pustaka.

- Bruce.C.J & Daniel V. Gordon. D.V. (2007) *The impact of childhood sexual abuse on the educational attainment and adult earnings of Canadian women. Newsletter*. autumn (12).
- Cano Garcia, F.J., Rodrigus Franco, L. & Garcia Martinez, J. (2007). *Spanish version of the coping strategies inventory. Actas Esp Psiquiatr* 35(1): 29-39.
- Chua Yan Piaw. (2009). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 5: Statistik Penyelidikan Lanjutan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Nor Shafrin Ahmad. 2006. *Kesan penderaan seksual dan daya tindak mangsa penderaan seksual*. Tesis Dr. Fal. Pusat Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peterson, C. & Seligmen, M.E.P. 1984. Causal explanations as a risk factor for depression: Theory and evidence. *Psychological Review* 9(3): 347-37.
- Saedah A. Ghani. (2004). *Kesan kaunseling keluarga ke atas penyesuaian keluarga, kohesi keluarga, persekitaran keluarga tingkah laku bermasalah dan konsep kendiri remaja awal remaja bermasalah tingkah laku*. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Salhah Abdullah. (2012). *Harga diri, kecelaruan kognitif, kemurungan, nilai moral dan strategi daya tindak remaja mangsa rogal*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seligman, M.P., Steen, T.A., Park, N. & Peterson. (2005). Positive psychology progress. *American Psychologist*. 60 (5): 410-421.
- Tolbin, D.L., Holroyd, K.A., Reynolds, R.V. & Kigal, J.K. 1989. The hierarchical factor structure of coping strategies inventory. *Cognitive Therapy and Research* 13. 343-361.
- Walsh, K. Fortier. M. A., & DiLillo. D. (2010). Adult coping with childhood sexual abuse: theoretical and empirical review. *Agressive Violent Behavior*. 15 (1): 1-13.